



جياتن فغايران دان ساليران،
نكري فيراق دارالرضوان.

JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN,
NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN,
JALAN PANGLIMA BUKIT GANTANG WAHAB,
30000 IPOH.

Telefaks : 05-2540290 Telefon : Pejabat AM 05-5225423

PENGARAH JPS. Pk. 05-2559510



Ruj Tuan :

Ruj Kami : Bil. 403) dim. JPS.PK.KS/
0784 Jld. 9

Tarikh : 29 R'Awal 1432
4 Mac 2011

Jurutera Daerah, JPS Kerian, Bagan Serai
Jurutera Daerah, JPS Larut Matang dan Selama, Taiping
Jurutera Daerah, JPS Kuala Kangsar / Hulu Perak, Kuala Kangsar
Jurutera Daerah, JPS Perak Tengah, Seri Iskandar
Jurutera Daerah, JPS Kinta / Batang Padang, Ipoh
Jurutera Daerah, JPS Hilir Perak, Teluk Intan
Jurutera Daerah, JPS Manjung, Sitiawan

Tuan,

TATACARA LAPORAN JPS KEPADA AGENSI PENGUATKUASA

Merujuk perkara di atas dengan hormatnya dimaklumkan bahawa adalah menjadi tanggungjawab JPS untuk melaporkan kepada agensi penguatkuasa jika terdapat pencerobohan, salah laku atau aktiviti tanpa kebenaran, yang melibatkan bidang tugas JPS untuk tindakan penguatkuasaan. Respon dan tindakan lanjut oleh agensi penguatkuasa amatlah penting kerana jika tidak, orang awam boleh membuat andaian bahawa pihak JPS tidak memantau dan bertindak sewajarnya.

2. Oleh itu tatacara laporan JPS kepada agensi penguatkuasa perlu diperkemaskan supaya laporan JPS mendapat perhatian dan diambil tindakan sewajarnya. Sekiranya kes yang dilaporkan tidak dapat diselesaikan pada satu peringkat ia sepatutnya dibawa ke peringkat yang lebih tinggi. Satu kaedah memantau status respon atau tindakan agensi penguatkuasa ke atas laporan yang dibuat perlu diwujudkan.

..... / 2


..... 3. Sehubungan itu bersama-sama ini disertakan perkara-perkara berikut untuk perhatian dan tindakan tuan:

- i. Kertas Panduan Tatacara Laporan JPS Kepada Agensi Penguatkuasa
- ii. Senarai agensi penguatkuasa peringkat daerah dan negeri

Sekian, terima kasih .

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"CINTAILAH SUNGAI KITA"

Saya yang menurut perintah,


(DATO' Ir. ABDUL RAZAK BIN DAHALAN)
Pengarah,
Jabatan Pengairan dan Saliran,
Negeri Perak Darul Ridzuan.

s.k.: Timbalan Pengarah
Ketua Penolong Pengarah Kanan Bhg. Pengairan, Saliran Pertanian dan Pantai
Ketua Penolong Pengarah Kanan Bhg. Perkhidmatan Mekanikal dan Elektrikal
Penolong Pengarah Kanan Bhg. Sungai
Penolong Pengarah Kanan Bhg. Saliran Bandar dan Tebatan Banjir
Penolong Pengarah Kanan Bhg. Khidmat Pengurusan
Penolong Pengarah Bhg. Sumber Air dan Hidrologi
Penolong Pengarah Bhg. Korporat
Penolong Pengarah Bhg. Pengurusan Kontrak

'TRANSFORMASI KUALITI TERAS 1 MALAYSIA'

TATACARA LAPORAN JPS KEPADA AGENSI PENGUATKUASA

1.0 Tujuan

- 1.1 Tujuan kertas ini adalah untuk memberi panduan tatacara membuat laporan kepada agensi penguatkuasa untuk tindakan penguatkuasaan apabila terdapat pencerobohan, salah laku atau aktiviti tanpa kebenaran yang melibatkan bidang tanggungjawab JPS.

2.0 Latar Belakang

- 2.1 Apabila terdapat pencerobohan, salah laku atau aktiviti tanpa kebenaran, pihak JPS perlu melaporkan kepada agensi penguatkuasa yang berkenaan seperti Pejabat Tanah, Jabatan Alam Sekitar, Pihak Berkuasa Tempatan dan sebagainya untuk tindakan penguatkuasaan. Walau bagaimanapun terdapat rungutan yang menyatakan bahawa laporan yang dibuat oleh pihak JPS Daerah kepada agensi penguatkuasa tidak mendapat respon yang sewajarnya. Apabila perkara ini berlaku pada pandangan orang awam pihak JPS kelihatan seolah-olah tidak memantau dan bertindak sewajarnya
- 2.2 Oleh itu tatacara laporan JPS kepada agensi penguatkuasa perlu diperkemaskan supaya laporan JPS mendapat perhatian dan diambil tindakan sewajarnya. Sekiranya kes yang dilaporkan tidak dapat diselesaikan pada satu peringkat ia sepatutnya dibawa ke peringkat yang lebih tinggi. Satu kaedah memantau status respon atau tindakan agensi penguatkuasa ke atas laporan yang dibuat perlu diwujudkan.

3.0 Cadangan


- 3.1 Sistem pelaporan yang dicadangkan akan melibatkan 3 peringkat iaitu Peringkat Agensi Daerah, Peringkat Agensi Negeri dan Peringkat Pentadbiran Negeri. Sesuatu kes lazimnya akan bermula di Peringkat Agensi Daerah, jika ia tidak dapat diselesaikan ia perlu dibawa ke peringkat yang lebih tinggi.
- 3.2 Apabila terdapat kes pencerobohan, salah laku atau aktiviti tanpa kebenaran, dan jika nama dan alamat pihak yang melakukannya diketahui pihak JPS Daerah hendaklah mengeluarkan notis ataupun arahan secara bertulis kepada pihak yang berkenaan dengan menyatakan dengan jelas kesalahan yang dilakukan, tindakan yang perlu dibuat, dan implikasi kesalahan dan kegagalan mematuhi arahan.

- 3.3 Pihak JPS Daerah hendaklah dengan seberapa segera melaporkan secara bertulis kepada agensi penguatkuasa yang berkenaan di daerah masing-masing dengan menyatakan butir-butir kesalahan, lokasi kejadian, tindakan yang telah dibuat oleh JPS Daerah dan apa yang pihak JPS minta agensi penguatkuasa lakukan. Pelan lokasi, lot tanah yang terlibat, gambarajah skematik dan foto-foto yang bersesuaian perlu disertakan untuk menjelaskan kes yang dilapor.
- 3.4 Jika perlu, bergantung kepada kes yang dilaporkan, lawatan tapak dengan agensi penguatkuasa yang berkenaan boleh diaturkan. Dalam kebanyakan kes pihak Pentadbir Tanah perlu dijemput bersama-sama menyertai lawatan tapak kerana fakta hakmilik dan syarat gunatanah adalah fakta asas yang amat penting dalam apa juga bentuk tindakan penguatkuasaan selanjutnya.
- 3.5 Pihak JPS Daerah perlu memantau perkembangan di tapak dari segi tindakan oleh pihak yang melakukan perkara tersebut dan tindakan oleh agensi penguatkuasa, dan dalam tempoh yang bersesuaian dengan kes yang dilaporkan, mengambil tindakan susulan di peringkat daerah.
- 3.6 Tindakan susulan ini akan melalui fasa penyelesaian di Peringkat Agensi Daerah terlebih dahulu, Jika perkara tersebut tidak dapat diselesaikan ia perlu dibawa ke Peringkat Agensi Negeri dan jika ia masih tidak dapat diselesaikan, JPS Negeri hendaklah membawa perkara tersebut ke Peringkat Pentadbiran Negeri. Antara tindakan susulan adalah seperti berikut :
- 3.7 Pada mana-mana peringkat, apabila kes yang dilaporkan telah selesai pihak JPS Daerah perlu memaklumkan atau membuat perakuan secara bertulis bahawa perkara tersebut telah selesai kepada agensi penguatkuasa yang berkenaan sebagai satu rekod bahawa kes tersebut boleh ditutup.
- 3.8 Tatacara pelaporan yang dicadangkan adalah seperti Carta Alir Laporan JPS Kepada Agensi Penguatkuasa seperti di **Lampiran 1** dan **Lampiran 2**.
- 3.9 Satu daftar laporan JPS kepada agensi penguatkuasa yang dibuat oleh setiap JPS Daerah seperti format di **Lampiran 3** perlu disediakan, dikemaskini dari semasa ke semasa dan di dihantar ke JPS Negeri setiap bulan supaya tindakan susulan dapat dirancang dengan teratur.

4.0 Penutup

- 4.1 Tindakan penguatkuasaan lazimnya bermula dengan pemantauan yang berkesan di peringkat daerah. Sistem pelaporan JPS kepada agensi penguatkuasa yang teratur dengan maklumat yang lengkap membolehkan agensi penguatkuasa memberi perhatian dan respon sewajarnya. Respon dan tindakan oleh agensi penguatkuasa dapat dipantau dan jika kes perlu dibawa ke peringkat yang lebih tinggi pihak JPS mempunyai data dan maklumat yang mencukupi untuk dibentang.

**CARTA ALIR
LAPORAN JPS KEPADA AGENSI PENGUATKUASA**



Nota :

- 1- Jenis laporan : Pencerobahan, aktiviti tanpa kebenaran, salah laku, pelanggaran syarat, pencemaran dan kacau-ganggu.
- 2- Contoh isu-isu yang perlu dilaporkan : Membina struktur tanpa kebenaran, bercucuk tanam, menternak, kerja tanah, pencemaran sungai, pengambilan bahan batuan, melombong, menebang pokok dan menghalang, mengalih atau melencongkan aliran sungai. Pelanggaran atau ketidakpatuhan Pelan Kawalan Hakisan dan kelodak (ESCP) oleh pemaju.
- 3- Agensi penguatkuasa : Pentadbir Tanah, PBT, JAS, Jabatan Perhutanan, Jabatan Perkhidmatan Veterinar, JMG, SPAN, PTG,

Lampiran 2

Bil.	Tindakan Susulan	Peringkat Tindakan
1. 2. 3. 4.	<p>1. Surat ulangan / peringatan daripada JPS Daerah kepada pihak berkenaan dan agensi penguatkuasa</p> <p>2. JPS Daerah adakan mesyuarat dengan agensi penguatkuasa yang berkenaan di peringkat Daerah</p> <p>3. JPS Daerah bangkitkan kes berkenaan dalam Mesyuarat Tindakan Daerah</p> <p>4. JPS Daerah mohon JPS Negeri adakan mesyuarat dengan agensi penguatkuasa yang berkenaan peringkat Negeri</p>	Peringkat Agensi Daerah
5. 6.	<p>5. JPS Negeri adakan mesyuarat dengan agensi penguatkuasa yang berkenaan peringkat Negeri</p> <p>6. JPS Negeri mohon pihak Pentadbiran Negeri (EXCO/SUK) mengadakan mesyuarat khas berkaitan kes berkenaan</p>	Peringkat Agensi Negeri
7.	Pentadbiran Negeri (EXCO/SUK) mengadakan mesyuarat dengan agensi-agensi berkenaan	Peringkat Pentadbiran Negeri

Lampiran 3

LAPORAN JPS KEPADA AGENSI PENGUATKUASA
DAERAH

Bil.	Tajuk Laporan	Agensi Penguatkuasa	Tarikh Laporan Pertama	Tarikh Surat Susulan Terakhir	Jumlah Surat Susulan	Status	Tarikh Selesai	Catatan

Tarikh Laporan :